

Apakah kesan-kesan sampingan yang mungkin diakibatkan daripada prosedur ini dan apa yang boleh saya lakukan terhadapnya?

- 1. Kesakitan ringan: Ini boleh diuruskan dengan ubat penahan sakit yang dijual di pasaran, contohnya Panadol.
- 2. Pendarahan: Pertama, berikan tekanan untuk menahannya. Sekiranya pendarahan serius berterusan, sila dapatkan rawatan perubatan di **Pusat Pengimejan Payudara NUH (semasa waktu pejabat antara 8.30 pagi hingga 5 petang) atau Pusat Kecemasan NUH (selepas waktu pejabat).**
- 3. Jangkitan: Ini jarang berlaku dan mungkin akan menyebabkan demam atau nanah/ kemerahan di tempat luka. **Sila dapatkan rawatan perubatan di Pusat Kecemasan NUH sekiranya ini berlaku.**
- 4. Alergi: **Sila maklumkan kepada doktor anda tentang sebarang alergi (alahan) anda terhadap ubat yang digunakan** (Chlorhexidine, Iodine dan Lignocaine).

Apakah alternatif-alternatif yang terdapat sekiranya saya memilih untuk tidak menjalani prosedur ini?

- 1. Pembedahan untuk membuang tisu payudara. Ini mempunyai risiko yang lebih tinggi dan tempoh pemulihan yang lebih panjang.
- 2. Pengimejan susulan dalam tempoh yang pendek. Ini bersifat kurang invasif tetapi kesimpulan yang tepat mungkin tidak dapat dibuat dan ini berpotensi melambatkan diagnosis.

Our Patient Care Institutions

National University Hospital
Ng Teng Fong General Hospital & Jurong Community Hospital
Alexandra Hospital
National University Polyclinics
Jurong Medical Centre
National University Cancer Institute, Singapore
National University Heart Centre, Singapore
National University Centre for Oral Health, Singapore
NUHS Diagnostics
NUHS Pharmacy



Scan the QR code for more information on our patient care institutions.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi kami di:
National University Hospital
Department of Diagnostic Imaging
Tel: (65) 6772 2263
Email: breastimaging_appt@nuhs.edu.sg

Take charge of your health and access health information and services across NUHS institutions.
Download the NUHS App now!



Scan to download

The information in this brochure is meant for educational purposes and should not be used as a substitute for medical diagnosis or treatment. Please seek your doctor's advice before starting any treatment, or if you have any questions related to your health, physical fitness or medical condition.

© 2025, National University Hospital (Singapore) Pte. Ltd. All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or shared without prior permission from National University Hospital.

Information is correct at time of printing [Mar 2025] and subject to revision without prior notice.



Biopsi Payudara Berpandukan Stereotaktik




Mengapa saya memerlukan biopsi payudara?

Biopsi payudara disyorkan apabila penemuan abnormal dikesan dalam payudara melalui imbasan pengimejan. Doktor kami akan mengambil sampel daripada kawasan abnormal di payudara untuk menentukan sama ada ia bersifat barah.



Apa yang boleh saya jangkakan sebelum prosedur?

1. Doktor anda akan menerangkan proses biopsi, risiko dan komplikasinya kepada anda. Kemudian, persetujuan anda akan diambil.
2. Anda akan bertukar kepada pakaian pesakit dan dibawa ke alat kelengkapan biopsi. Anda akan duduk tegak selama kira-kira 60 minit semasa prosedur, **oleh itu ia penting bahawa anda duduk dengan selesa.**
3. Anda tidak perlu berpuasa sebelum biopsi. **Sekiranya anda sedang mengambil ubat penipisan darah, sila maklumkan kepada doktor anda.**



Apa yang boleh saya jangkakan semasa prosedur?

1. Kawasan prosedur di payudara anda akan dibersihkan dengan larutan antiseptik (Chlorhexidine atau Iodine). Kemudian, anestetik setempat (Lignocaine) akan disuntik untuk mengebas kulit. Sila ambil perhatian bahawa anda adalah sedar diri semasa prosedur.
2. Satu hirisan kecil (insisi) akan dibuat untuk jarum biopsi. Ini biasanya berukuran lebih kurang 1cm tidak kira saiz abnormaliti dalam payudara. Sekiranya terdapatnya beberapa kawasan abnormal dalam payudara untuk dibiopsi, beberapa hirisan mungkin dibuat pada kulit.
3. Laluan jarum biopsi dikira dengan tepat menggunakan imbasan pengimejan yang diambil sebelum biopsi.
4. Anda mungkin dapat mendengar bunyi getaran yang kuat semasa biopsi apabila spesimen diambil. **Ia penting bahawa anda tidak bergerak.**
5. **Kadang-kadang, doktor mungkin mengesyorkan ulangan prosedur dengan penyelarasan kedudukan semula** untuk memastikan ketepatan sasaran. Jarang sekali, biopsi mungkin tidak berjaya dan pilihan lain akan dibincangkan.



6. Untuk semua pesakit yang menjalani biopsi berpandukan stereotaktik, sekeping klip logam kecil ("klip penanda") akan diletakkan di dalam payudara. Klip ini membantu doktor mengesan kawasan yang dibiopsi dalam imbasan yang berbeza dan membimbing pakar bedah ke kawasan yang betul untuk dibedah. **Ia adalah selamat untuk imbasan MRI dan pengesan logam di lapangan terbang. Klip ini adalah kekal dan anda tidak akan dapat melihat atau merasakannya.**
7. Mamogram biasanya dijalankan selepas klip penanda dimasukkan untuk mengesahkan kedudukannya.

Apa yang boleh saya jangkakan selepas prosedur?

1. Pendarahan ringan dijangkakan. Sebarang kesakitan atau ketidakselesaan akan hilang dalam masa beberapa jam.
2. Keputusan biopsi dan pilihan rawatan akan dibincangkan bersama anda pada janji temu anda yang seterusnya. Sila ambil perhatian bahawa kadang-kadang pembedahan pembuangan akan dinasihatkan walaupun keputusan biopsi bukan bersifat barah.

